

NOVEL BIOGRAFI SEJARAH

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN



333

R



23/8/2024
LB
RM 25.00

MEREKA
pejuang
BANGSA
dan
TANAH AIR





MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN



PUSTAKA PERDANA



1013612

MZ Edu Publications
Selangor Darul Ehsan
2022



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Cetakan Pertama 2022

© Asrul Effendi Kamaruzzaman

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada MZ Edu Publications, Lot 2818, Jalan Belimbing, Bukit Kapar, 42200 Kapar, Klang, Selangor Darul Ehsan. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Asrul Effendi Kamaruzzaman, 1970-

MEREKA PEJUANG BANGSA DAN TANAH AIR / ASRUL EFFENDI
KAMARUZZAMAN

ISBN 978-967-0911-70-0

1. Short stories, Malay.
 2. Malay fiction.
 3. Malaysian fiction (Malay).
- I. Judul.
899.2333

Penerbit merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang menyalurkan dana untuk penerbitan buku ini dan Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Urus Setia Penggerak Industri Buku Negara.



DBP

Dicetak oleh:
PERCETAKAN KENCANA SDN BHD
7, Jalan Lengkongan Brunei,
Off Jalan Pudu,
55100 Kuala Lumpur.

899.2333
ASR

KANDUNGAN



Bab 1	Di Sini Bermula Segalanya	1
Bab 2	Dol Said: Adiwira Naning yang Disegani	4
Bab 3	Dato' Siamang Gagap: Adiwira Perang Bukit Putus	9
Bab 4	Yamtuan Antah: Adiwira Negeri Beradat	16
Bab 5	Dato' Maharaja Lela: Adiwira Pasir Salak	25
Bab 6	Dato' Sagor: Adiwira Perak yang Setia	31
Bab 7	Sultan Abdullah: Adiwira Bangsawan yang Terbuang	35
Bab 8	Dato' Bahaman: Adiwira Semantan	49
Bab 9	Tok Gajah: Adiwira Kemakmuran Pahang	57
Bab 10	Mat Kilau: Adiwira yang Berahsia	60
Bab 11	Tok Janggut: Adiwira Negeri Serambi Mekah	66



Bab 12	Raja Mahadi: Adiwira yang Tersisih	74
Bab 13	Haji Abdul Rahman Limbong: Adiwira Mujahid Terengganu	80
Bab 14	Tunku Kudin: Adiwira Kebebasan Kedah	88
Bab 15	Tunku Muhammad Saad: Adiwira Menentang Siam	97
Bab 16	Rentap: Adiwira Bumi Kenyalang	106
Bab 17	Rosli Dhoby: Adiwira Remaja Sarawak	115
Bab 18	Syarif Masahor: Adiwira Melanau Sarike yang Terbuang	121
Bab 19	Mat Salleh: Adiwira Perkasa Borneo	126
Bab 20	Antanum: Adiwira Rimba	131
Bab 21	Datuk Maharajalela Musa Unggu: Adiwira Penyatu Masyarakat Sabah	136
Bab 22	Syarif Osman: Adiwira Kota Marudu	141
Bab 23	Penutup: Pulangnya Sang Mahasiswa	144

BAB 1

DI SINI BERMULA SEGALANYA



NAMAKU Mohd Razman bin Rahidin. Seorang mahasiswa tahun pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Selangor. Aku merupakan seorang mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM dengan mengambil jurusan Sejarah di peringkat ijazah sarjana muda (sastera) dengan kepujian. Setiap kali cuti semester aku akan pulang ke kampung halamanku yang diberi nama Kampung Talang yang terletak di Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Apabila aku tiba di kampung halaman, hatiku bukan sahaja berasa amat gembira kerana dapat bertemu dengan datuk dan nenek malahan juga begitu bersemangat sekali apabila mendengar kisah-kisah sejarah yang datuk diceritakan padaku.

Datukku bernama Haji Abdul Rahim bin Mohamad Nor. Datukku seorang bekas guru Sejarah dan Pendidikan Sivik di Sekolah Kebangsaan Talang. Di kampung, datukku mesra dengan panggilan Cikgu Rahim. Orang akan sentiasa memanggilnya dengan panggilan *cikgu*, walaupun sudah sekian lama beliau bersara.



MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

Segala fakta dan peristiwa sejarah yang berkait dengan tanah air masih kekal segar dalam ingatan datuk walaupun usianya kini sudah hampir mencapai penghujung 60-an. Almari-almari buku di rumah datuk penuh dengan buku-buku sejarah.

Kata datuk, "Sejarah tidak dapat dipisahkan dalam hidup manusia. Sejarah ialah peristiwa yang telah terjadi atau telah berlaku. Sejarah merupakan fakta dan bukan rekaan."

Namun begitu datuk juga tidak menafikan bahawa cerita rekaan, mitos, dan legenda juga wujud di sebalik kebenaran sesuatu sejarah itu. Oleh sebab itu, segala fakta yang berkait dengan sejarah perlulah dikaji dan diselidiki secara terperinci agar fakta-fakta sejarah itu tepat dan betul.

Sama ada suka atau tidak, kita harus menerima sejarah dalam kehidupan kita untuk dijadikan sebagai pedoman dan pengajaran pada masa kini dan masa hadapan." Demikianlah berkobar-kobarnya semangat datuk apabila beliau berhujah tentang pengertian dan disiplin sejarah.

Menurut datuk lagi, setiap peristiwa sejarah yang telah berlaku sama ada di dalam atau di luar tanah air perlulah dijaga dan dilindungi serta dikekalkan warisannya. Hal ini demikian kerana segala peristiwa sejarah yang berlaku sama ada baik atau sebaliknya perlu dijadikan sebagai pedoman. Tujuannya, bagi memupuk generasi akan datang positif dalam aspek sosioekonomi, dan kestabilan politik. Malah hujah datuk lagi, "Sejarah juga memainkan peranan yang penting sebagai sumber pendidikan dan penyelidikan bagi membantu masyarakat dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan tentang nilai sejarah tempatan dan dunia dengan lebih jelas dan tepat. Selain itu, sumber-sumber sejarah yang dipelihara dan dipulihara seperti bahan bertulis, cerita lisan, artifak, tugu, dan fosil juga mampu membantu negara dalam meningkatkan taraf ekonomi melalui sektor pelancongan.

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

Hal ini dilihat menjadi salah satu daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri sejak dahulu lagi," ujarnya.

Aku berasa amat bangga kerana dapat meneruskan kesinambungan datuk sebagai seorang pencinta sejarah. Tambahan pula aku sebagai cucunya yang berpeluang mengambil jurusan Sejarah di universiti.



BAB 2

DOL SAID: ADIWIRA NANING YANG DISEGANI



SELEPAS menunaikan solat Asar, aku telah meluangkan masa untuk berbual bersama-sama datuk sambil menikmati hidangan ringan di ruang tamu. Manakala nenek pula sibuk bekemas di dapur. Seperti biasa, datuk akan bercerita tentang perjuangan tokoh-tokoh tempatan pada zaman kolonial British di Tanah Melayu pada akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-20. Datuk mula membuka cerita tentang perjuangan Penghulu Dol Said yang menentang Inggeris di Nanning, Melaka.

“Nama sebenar beliau ialah Abdul Said bin Omar. Beliau dilahirkan pada tahun 1773 di Nanning, Alor Gajah, Melaka. Dol Said berasal dari suku Semelenggang. Dol Said merupakan seorang pahlawan Melayu yang kental. Beliau mempunyai sifat berpantang mati sebelum ajal,” terang datuk.

“Sifat keberaniannya terserlah sejak beliau kecil lagi. Hal ini terbukti kerana sejak beliau berusia enam tahun lagi telah mempelajari seni silat untuk mempertahankan diri. Dol Said menjadi amat bersemangat apabila menyedari

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

beliau berasal dari golongan keluarga yang susah. Oleh itu beliau, berazam agar sentiasa berusaha untuk memajukan diri sendiri, agama, dan bangsanya," kata datuk lagi sambil menghirup sedikit air teh dan menjamah pisang goreng.

Asap nipis yang keluar daripada air teh dan pisang goreng kelihatan teroleng-oleng naik ke atas dan kemudian lalu menghilang. Dari raut wajah datuk yang telah tua itu jelas kelihatan bahawa dia begitu bersemangat sekali apabila bercerita tentang perjuangan Penghulu Dol Said yang menentang Inggeris di Naning.

"Dol Said tekun mengaji. Beliau juga cekap dalam seni mempertahankan diri. Dol Said, seorang tokoh yang dihormati ramai serta taat kepada ayah dan ibunya," datuk menambah.

"Pada tahun 1799, beliau telah dilantik sebagai Penghulu Naning menggantikan Penghulu Anjak. Beliau dikenali dengan panggilan Penghulu Dol Said. Ketika itu beliau baru berusia 26 tahun. Beliau merupakan pemerintah Naning yang kelapan. Dol Said menentang British apabila daerahnya dikenakan cukai," cerita datuk terus.

"Hal itu menjadi titik permulaan penentangan orang Melayu terhadap kuasa luar di daerah Naning, Alor Gajah, Melaka. Kemarahan mereka semakin memuncak apabila British campur tangan dalam hal ehwal politik dan pentadbiran negeri. Perkara ini jelas dapat dikesan apabila British menguasai Melaka dan mendakwa bahawa Naning itu sebahagian daripada Melaka," terang datuk kepadaku lagi.

"Pihak British juga telah menegaskan bahawa segala peraturan yang telah dijalankan di Melaka juga akan dilaksanakan di Naning. Pada tahun 1828, pemerintah British di Melaka telah menghantar pasukan tentera di bawah pimpinan Kapten Wiggen untuk menetapkan peraturan baharu yang penduduk Naning perlu membayar cukai sebanyak 1/10 daripada hasil perolehan mereka. Penghulu Dol Said juga telah diberikan

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

amaran oleh pegawai British bahawa beliau akan dipecat daripada jawatannya sekiranya beliau tidak mematuhi peraturan tersebut. Hal ini telah menyebabkan Dol Said dan penduduk Naning menentang sekeras-kerasnya peraturan British itu kerana bercanggah dengan nilai-nilai tradisi yang sudah diamalkan sekian lama," datuk terus menyambung ceritanya.

Aku mendengar cerita datuk dengan penuh minat. Deru angin petang yang bertiup agak keras jelas kedengaran, menyusup masuk melalui celah-celah dinding papan rumah datuk.

"Naning telah diminta untuk memberikan satu per sepuluh daripada hasilnya kepada pihak British. Hal ini samahalnya sebagaimana Naning memberi cukai kepada pihak Belanda dahulu. Begitu juga perjanjian dengan British pada tahun 1801. Dalam perjanjian tersebut tertera bahawa Naning perlu menyerahkan satu per sepuluh hasil negerinya. Namun Naning menjelaskan bahawa pemberian itu atas tanda sebagai persahabatan, bukannya paksaan," jelas datuk.

"Jadi, inilah yang menyebabkan tercetusnya perang antara Naning dengan Inggeris?" Aku menyoal dengan rasa penuh minat. Kupandang datuk yang duduk di atas kerusi berhadapan denganku.

"Benar, Razman! Akibat ketegasan pihak British dan Dol Said, keadaan menjadi genting. Pada tahun 1831, British telah menghantar satu pasukan tentera Sepoi seramai 150 orang lalu menyerang Naning, tapi mereka dapat dipatahkan oleh Dol Said dan pengikutnya."

"Dol Said berjuang keras menentang British. Hasil daripada kebijaksanaan beliau, pihak British telah dapat dikalahkan sebanyak dua kali," tambah datuk sambil senyum sinis.

"Perang Naning pertama telah berlaku selama 18 hari, Razman. Perang bermula pada 6 Ogos, 1831 dan berakhir pada 24 Ogos, 1831. Dol Said terbukti sebagai

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

seorang wira yang berani dan mengukir nama di Melaka," ujarnya lagi.

Aku benar-benar kagum dengan datuk. Datuk masih ingat fakta dan tarikh sejarah berlakunya Perang Naning tanpa merujuk buku. Mungkin inilah kelebihan yang datuk perolehi. Dengan membaca banyak buku-buku sejarah berkaitan para pejuang tanah air yang menentang penjajah pada suatu ketika dulu datuk rakam dalam ingatan kekal.

"Kejayaan Penghulu Dol Said dalam peperangan bukan sahaja atas sokongan orang Melayu tempatan tetapi juga wujudnya sokongan orang Melayu dari wilayah yang lain," datuk terus bercerita.

"Pengkulu Dol Said masyhur di merata-rata tempat pada masa itu. Beliau dipuji atas keberanian yang telah beliau tunjukkan sebagai pemimpin yang menegakkan hak-hak orang Melayu," ujar datuk.

"Tetapi British tidak berpuas hati. Mereka tidak mahu mengaku kalah. Sekali lagi mereka bertindak melancarkan serangan terhadap Naning, demi untuk mengembalikan maruah mereka yang kononnya tercalar dahulu. Kali ini British telah menang," luah datuk seperti menahan sesalan.

"Akibat kekalahan dalam Perang Naning Kedua pada bulan Februari, 1832 itu, Dol Said akhirnya terpaksa berundur ke Pasir Besar. Dalam masa empat kemudian, Naning jatuh ke tangan British iaitu pada 15 Jun, 1832. British pun meletakkan Naning di bawah peraturan Negeri-negeri Selat pada 27 Oktober, 1832." Datuk mengakhiri kisah perjuangan Penghulu Dol Said melawan Inggeris di Naning.

Kata datuk, banyak lagi kisah-kisah perjuangan tokoh-tokoh pahlawan tanah air yang menentang penjajah akan diceritakannya kepadaku. Dan aku berasa tidak sabar-sabar lagi untuk mendengarnya. Nampaknya sepanjang aku bercuti di kampung, aku akan mendengar



MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

kisah para pejuang tanah air. Memang itulah yang aku tunggu-tunggu daripada datuk selama ini.

Melalui jendela kayu rumah datuk yang terbuka luas, aku melihat matahari sudah bertukar warna seperti buah pinang masak jingga. Tak lama lagi senja akan melabuhkan tirainya menyambut malam. Datuk kemudiannya menyuruh aku agar segera bersiap untuk pergi ke masjid menunaikan solat maghrib.

BAB 3

DATO' SIAMANG GAGAP: ADIWIRA PERANG BUKIT PUTUS



SELEPAS aku menunaikan solat zuhur, aku dan datuk menikmati hidangan tengah hari di ruang tamu. Cuaca di luar masih lagi cerah. Sinar matahari terang-benderang menyinari seluruh kampung. Awan memutih tebal dan langit biru cerah. Tiada pula tanda-tanda hujan akan turun.

Angin yang datang dari arah bukit-bukau yang subur menghijau berhadapan dengan rumah datuk bertiup lemah-gemalai. Pohon-pohon yang tumbuh di halaman rumah datuk kelihatan seperti menari-nari, mengikut rentak tiupan angin. Sekejap ke kiri. Sekejap ke kanan.

Daun-daun yang bergeseran antara satu sama lain kedengaran mengeluarkan irama yang sungguh merdu mengusik jiwa. Demikianlah indahnya desa permai. Penuh dengan ketenangan dan kedamaian untuk dinikmati.

Seperti biasa sambil duduk berehat di ruang tamu, datuk menyambung cerita. Datuk mula membuka cerita tentang Dato' Siamang Gagap. Nama sebenar beliau ialah Abdul Kahar bin Mukmin. Dato' Siamang Gagap merupakan seorang tokoh terawal yang menentang

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

Inggeris dalam Perang Bukit Putus di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Perang Bukit Putus merupakan peristiwa yang menjadi titik tolak campur tangan Inggeris di Negeri Sembilan yang terkenal dengan amalan Adat Perpatih sehingga dikenali sebagai Negeri Beradat," datuk mula bercerita.

"Campur tangan Inggeris itu berpunca daripada krisis dan pergolakan takhta kerajaan negeri antara Tengku Laksamana Antah dengan Tengku Ahmad Tunggal pada tahun 1872, selepas kemangkatan Yamtuan Imam. Hal ini begitu kerana Tengku Ahmad Tunggal, anak sulung kepada Almarhum Yamtuan Imam tidak terpilih untuk menggantikan takhta ayahandanya. Konflik perubahan takhta antara mereka telah mencetuskan Perang Bukit Putus pada tahun 1874," tambah datuk.

Aku memang pernah mendengar tentang Dato' Siamang Gagap, adiwira Perang Bukit Putus yang menentang Inggeris itu. Aku terus mendengar sahaja kisahnya.

"Dato' Siamang Gagap yang berasal dari suku Tanah Datar di Seri Menanti," terang datuk. "Beliau pembesar Istana Seri Menanti. Kedudukannya pada ketika itu sama seperti Menteri atau Bendahara, yang mengetuai pentadbiran dalam takhta kerajaan," jelas datuk lagi kepadaku.

"Macam mana dia mendapat gelaran Dato' Siamang Gagap, tuk? Pelik bunyinya?" Aku bertanya.

"Beliau mendapat gelaran itu apabila dikatakan bersendirian dalam menentang orang Rawa (*Temusi*) yang cemburu dengan kemajuan dan kemakmuran Seri Menanti pada waktu itu. Sebagai mengenang jasa dan kehandalannya, beliau telah diberikan gelaran itu oleh Yamtuan Radin. Tapi, terdapat juga sumber yang mengatakan gelaran itu diberikan oleh Yamtuan Antah. Menurut kepercayaan orang tua-tua bahawa negeri yang terdapat siamang yang berbunyi 'Gagap' tidak akan dapat dikalahkan oleh musuh," datuk menjawab soalanku.

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

"Pada tahun 1861, Yamtuan Radin telah mangkat. Namun Dato' Siamang Gagap masih lagi menjadi pembesar istana yang penting di bawah pentadbiran Yamtuan Imam yang menggantikan kekandanya itu dari tahun 1861 hingga 1869," jelas datuk lagi.

"Kemangkatan Yamtuan Imam telah menyebabkan berlakunya pergolakan dalam mencari pengganti baginda. Tengku Ahmad Tunggal, putera sulung Yamtuan Radin dikatakan telah menuntut hak supaya dirinya dilantik sebagai Yamtuan," terang datuk terus.

"Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu maka pembesar istana dikatakan enggan melantiknya. Tetapi Dato' Siamang Gagap secara tegas tetap mengangkat Tengku Ampuan Intan yang juga isteri kepada Yamtuan Radin sebagai pemangku takhta kerajaan," jelas datuk lagi.

"Keputusan tersebut tidak mendapat persetujuan sepenuhnya daripada Dato' Penghulu Luak dan Orang Empat Istana. Mereka telah melantik Tengku Laksamana Antah iaitu putera Yamtuan Radin pula, yang juga anak saudara Yamtuan Imam menaiki takhta kerajaan pada tahun 1927. Pelantikan ini berlaku kira-kira tiga tahun selepas kemangkatan Yamtuan Imam dan mendapat tentangan daripada Tengku Ahmad Tunggal," datuk berkata lagi.

"Akibat penentangan itu, tercetuslah pergolakan penting dalam sejarah takhta kerajaan sehingga berlakunya perang saudara iaitu Perang Bukit Putus," cerita datuk terus.

"Oleh sebab berasa kecewa, maka Tengku Ahmad Tunggal kemudiannya telah mengambil keputusan meninggalkan Seri Menanti. Beliau bertemu dengan Dato' Kelana Putera, selaku Undang Luak Sungei Ujong. Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman berasa cukup simpati dengan Tengku Ahmad Tunggal," kata datuk.

"Pada waktu itu juga Inggeris telah pun memerintah Melaka setelah menerima arahan dari Singapura sejak perjanjian Raffles dengan Sultan Hussein Shah pada 7

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

Mac, 1819. Hal inilah yang menjadi pencetus campur tangan Inggeris di Negeri Sembilan," datuk menambah lagi.

"Macam mana Inggeris boleh datang ke Sungei Ujong, tuk?" Tiba-tiba berkeinginan untuk aku mengetahui hal selanjutnya.

"Kedatangan Inggeris ke Sungei Ujong atau sekarang dikenali sebagai Seremban kerana berminat dengan bijih timah selain menyokong Dato' Kelana Putera. Inggeris berjanji akan memberikan bantuan kepada beliau. Sekiranya beliau hendak menyerang Seri Menanti, Inggeris sedia membantu Tengku Ahmad Tunggal untuk mendapatkan semula takhta kerajaan." Begitu jawapan yang datuk berikan pada soalanku itu.

"Janji dan bantuan Inggeris itu mengakibatkan krisis takhta kerajaan negeri bertambah parah. Akhirnya berlakulah peperangan antara Sungei Ujong dengan Seri Menanti. Peperangan itu dikenali sebagai Perang Bukit Putus," jelas datuk lagi.

"Saya pernah membaca tentang peristiwa Perang Bukit Putus dalam buku sejarah Negeri Sembilan. Dalam peperangan itu, penduduk Seri Menanti memberikan sokongan yang kuat kepada Yamtuan Antah. Angkatan tentera Yamtuan Antah ini diketuai oleh seorang panglima perang iaitu Dato' Siamang Gagap. Manakala angkatan perang di Sungei Ujong pula diketuai oleh Kapten Murray iaitu seorang pegawai tentera Inggeris," aku mencelah.

"Memang benar apa yang Razman katakan tu!" luah datuk dengan senyuman. Mungkin dia berasa amat gembira kerana fakta sejarah yang aku berikan itu tepat.

"Pasukan Dato' Siamang Gagap pada peringkat awalnya telah berjaya mengundurkan lawan sehingga ke Paroi. Namun begitu, pihak Inggeris kemudiannya telah menambahkan lagi kekuatan dengan membawa askar sepoi dari Melaka untuk membantu," ujar datuk meneruskan ceritanya.

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

"Pada tahun 1874, pihak Inggeris yang lengkap dengan senjata akhirnya telah berjaya memenangi pertempuran itu. Bagi mengelakkan daripada ditawan Inggeris, Yamtuan Antah telah mengambil keputusan melarikan diri ke Johor. Sementara Dato' Siamang Gagap pula meneruskan perjuangan menentang Inggeris di Seri Menanti," katanya lagi.

Semangat aku semakin berkobar-kobar apabila mendengar cerita datuk itu. Kalaulah aku hidup sezaman dengan Dato' Siamang Gagap, pasti aku akan berjuang bersama-sama beliau demi tanah air yang tercinta. Aku terus mencatat apa-apa yang diceritakan oleh datuk. Semua bahan tambahan itu dapat membantu aku dalam membuat tugasanku kelak.

"Sewaktu Dato' Siamang Gagap merancang mahu mengadakan serangan balas terhadap Inggeris, beliau telah mendapat khabar yang Yamtuan Antah sudah menerima syarat berdamai Fredrick Alusysweld," terang datuk terus.

"Perjanjian antara Yamtuan Antah dengan Inggeris pada 4 Jun, 1887 itu tetap ditentang oleh Dato' Siamang Gagap. Bagi megawal ketenteraman, pihak Inggeris dikatakan telah menawarkan kepada beliau menunaikan fardu haji ke Mekah," tambah datuk lagi.

"Sewaktu pemergian Dato' Siamang Gagap ke Mekah, pihak Inggeris telah mengambil kesempatan memeterai perjanjian dengan Yamtuan Antah. Apabila Dato' Siamang Gagap pulang dari Mekah beliau akhirnya terpaksa mengalah apabila mengetahui perjanjian itu sudah ditandatangani," datuk berkata.

"Inggeris berjaya meletakkan pengaruhnya dengan lebih berkesan di Seri Menanti sebaik sahaja perjanjian itu termeterai. Selain itu, kedudukan bandar diraja juga semakin tersepit selepas kemangkatan Yamtuan Antah iaitu kira-kira empat bulan selepas perjanjian itu," nyata datuk lagi.



MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

"Namun begitu dalam usaha Inggeris ingin melantik Tengku Muda Chik menjadi Yamtuan untuk menggantikan Yamtuan Antah yang telah mangkat pada tahun 1888, Dato' Siamang Gagap tetap menentang keras," terang datuk.

"Inggeris kemudiannya dikatakan telah melantik Tuanku Muhammad menjadi Yamtuan, akibat daripada penentangan yang dilakukan Dato' Siamang Gagap itu. Akhirnya pada 13 Julai, 1889 Inggeris telah menamakan Martin Lister sebagai Residen Inggeris pertama di Negeri Sembilan," cerita datuk lagi kepadaku.

"Menurut sumber, Dato' Siamang Gagap yang amat benci dan kuat menentang Inggeris kemudiannya telah mengambil keputusan mengundurkan diri daripada menjadi pembesar istana. Beliau telah berundur ke Pahang setelah Tunku Muhammad dilantik menjadi Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Maka pihak Inggeris pun campur tangan sepenuhnya di Negeri Sembilan. Dato' Siamang Gagap kemudiannya berangkat ke Mekah. Beliau telah meninggalkan dunia di sana," ujarnya.

Perbualan kami yang rancak lantas terhenti apabila nenek muncul dari arah dapur.

"Rancak nampak berbual. Cerita sejarah lagi?" tegur nenek sambil memandang aku dan datuk yang duduk di kerusi silih berganti.

"Yalah, nek!" Aku pantas membalas dan mengangguk. "Seronok dengar kisah sejarah yang atuk ceritakan," aku menyambung lagi.

"Sejarah, sejarah juga. Atuk kau tu jangan lupa petang ni," ujar nenek mahu mengingatkan pula.

"Lupa apa pulak awak ni?" datuk menyoal nenek untuk mengetahui apa yang dimaksudkan nenek itu.

Aku sempat mencuri pandang ke arah luar melalui tingkap yang terbuka luas. Pohon-pohon nyiur yang tumbuh di halaman rumah datuk kelihatan melambai-lambai. Seolah-olah mengajak perantau yang mencari

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

rezeki di kota agar pulang ke desa. Itulah tempat mereka dilahirkan dan dibesarkan. Apabila ada kelapangan pulanglah perantau untuk menenangkan fikiran seketika daripada kesibukan hidup di kota.

"Bukankah abang ada beritahu saya semalam. Petang ini lepas asar ada mesyuarat dengan Tok Ketua di balai raya?" suara nenek mengingatkan datuk.

"Oh, ya! Baru saya ingat," sambut datuk dengan pantas. Kemudian dia memandang jam yang tergantung di dinding.

"Hah! Waktu asar pun dah nak masuk, Razman. Mari kita berjemaah. Lepas solat atuk nak pergi mesyuarat," ujar datuk sekaligus mengajakku.

Kami lalu bingkas bangun hampir serentak.

BAB 4

YAMTUAN ANTAH: ADIWIRA NEGERI BERADAT



MALAM itu bulan dan bintang kelihatan indah bersinar. Bunyi cengkerik bersahut-sahutan jelas kedengaran memecah suasana malam. Selepas menunaikan solat isyak di masjid, datuk perkenalkan aku kepada Tok Ketua.

"Ini Razman. Cucu saya, tuk. Dia belajar di universiti dan mengambil jurusan sejarah. Apabila cuti dia selalu balik kampung," datuk berkata pada Tok Ketua sambil memegang bahu.

Aku lalu menghulurkan tangan dan bersalaman dengan Tok Ketua.

"Alhamdulillah!" Tok Ketua yang berketayap putih, berbaju Melayu merah dan berkain pelekat membalas.

"Baguslah macam tu. Hah, Razman. Belajar rajin-rajin. Apabila lulus nanti dapatlah kerja yang bagus dan menjamin masa depan," pesan Tok Ketua.

"Insyallah, tuk!" aku mengangguk-anggukkan kepala.

"Hah, Razman. Ingat pesan Tok Ketua tu. Tuk pun harap macam tu juga," sampuk datuk pula.

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

Aku mengangguk-angguk diam.

"Baiklah, cikgu!" angguk Tok Ketua sambil memandang wajah datuk.

"Saya minta diri dulu. Tapi sebelum, tu saya harap moga apa-apa yang kita rancang dalam mesyuarat semalam dapat dilaksanakan. Demi kemajuan kampung kita jugalah," tambah Tok Ketua lagi.

"Insyallah, tuk! Sama-samalah kita berdoa. Moga apa-apa yang kita rancang akan terlaksana dengan jayanya," datuk menambah.

"Saya pun begitu juga, cikgu. Perkara yang baik pasti akan mendapat rahmat daripada Allah. Saya yakin. Dengan bermuafakat, semua kerja yang kita rancang akan membuahkan hasil yang menguntungkan dan membanggakan kita semua sebagai penduduk di kampung ini. Bagi saya, kejayaan kita bukan untuk saya sebagai ketua di kampong, ini tetapi juga untuk seluruh penduduk kampung. Saya juga sentiasa berdoa, cikgu. Moga kampung kita akan sentiasa sejahtera dan makmur. Tak adalah hendaknya sebarang bentuk perpecahan, kerana hal itu bukan sahaja merugikan kita sebagai rakyat Malaysia, bahkan juga bangsa kita sendiri," Kata Tok Ketua berkata dengan panjang lebar.

Aku hanya mendinginkan diri mendengar perbualan rancak itu.

"Insyallah, tuk!" ujar datuk mengangguk lagi dengan cepat.

"Saya yakin. Kalau kita sentiasa mengamalkan hidup berkampung dengan semangat bergotong-royong dan saling bantu-membantu, kampung kita akan sentiasa berada dalam berjaya dan sejahtera selama-lamanya," tambah datuk.

"Baiklah, cikgu. Saya minta diri dulu," ulang Tok Ketua. "Assalamualaikum!" Tok Ketua memberi salam.

"Walaikumussalam!" Datuk dan aku menjawab salam serentak.

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

Tok Ketua kemudiannya lalu bersalaman dengan datuk dan aku.

Sewaktu di dalam kereta, datuk rancak bercerita tentang program dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan di kampung itu. Tok Ketua sebagai pengerusinya.

Setibanya di rumah, aku dan datuk duduk di ruang tamu. Nenek menghidangkan minum malam air teh dan sepinggan biskut. Nenek kemudiannya terus masuk ke dalam bilik. Mungkin nenek penat seharian membuat kerja-kerja rumah. Tambahan pula dengan usianya yang semakin tua, seusia macam datuk.

Seperti biasa, sambil menikmati minum malam yang nenek sediakan, datuk akan bercerita kisah para pejuang tanah air. Kali ini datuk akan bercerita tentang seorang lagi tokoh pahlawan Negeri Sembilan, Yamtuan Antah atau nama penuhnya Tunku Laksamana Ibni Almarhum Yamtuan Radin.

“Yamtuan Antah Ibni Almarhum Yamtuan Radin merupakan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan keenam. Baginda memerintah dari tahun 1875 hingga 1888. Baginda berjuang untuk kebebasan Negeri Sembilan daripada dijajah oleh British pada tahun 1874.”

Baginda merupakan ayahanda kepada iaitu Tuanku Muhammad Shah anakanda yang memodenkan Negeri Sembilan,” datuk memulakan cerita.

“Baginda sebagai Yamtuan bagi kawasan Seri Menanti. Penentangan baginda bermula pada April 1874 apabila Tunku Ahmad Tunggal, anakanda kepada Almarhum Yamtuan Imam bersama-sama dengan Dato’ Kelana Syed Abdul Rahman melancarkan menentangan terhadapnya. Penentangan itu disebabkan oleh konflik perebutan takhta selepas kemangkatan Yamtuan Imam pada tahun 1869.”

“Selain itu, penentangan itu juga berpunca daripada penawaran perlindungan Sungei Ujong kepada pihak British. Dato’ Kelana Syed Abdul Rahman merupakan

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

pemerintah Sungei Ujong telah membuat perjanjian dengan British yang menawarkan Sungei Ujong berada di bawah lindungan British. Seorang Inggeris bernama Henry Velge juga dibenarkan membuka lombong bijih timah di Sungei Ujong. Bermula detik itu maka bertapaklah campur tangan Inggeris di Negeri Sembilan," terang datuk dengan lancar satu demi satu.

"Kemarahan orang Melayu bertambah memuncak pada bulan April, 1874 apabila Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dan Dato' Muda Linggi telah pergi ke Singapura untuk bertemu dengan British. Semasa di Singapura, mereka telah membuat satu perjanjian dengan wakil British, Andrew Clarke. Mereka telah menawarkan Sungei Ujong berada di bawah lindungan Inggeris, setelah Dato' Kelana Syed Abdul Rahman telah menghantar sepucuk surat kepada Andrew Clarke. Hal ini tentu merugikan bangsa dan tanah air kerana kehadiran seorang Residen memang dialu-alukan untuk menjadi penasihat kepadanya yang memerintah Sungei Ujong," terang datuk lagi.

"Pada bulan September, 1874 bendera Union Jack akhirnya dinaikkan dan dikibarkan di puncak tiang berhampiran dengan rumah Dato' Kelana Syed Abdul Rahman di Ampangan. Berikutnya diikuti dengan istiadat tembakan meriam sebanyak 21 das seolah-olah Inggeris cuba memberitahu penduduk yang mereka telah berkuasa sepenuhnya di Sungei Ujong," cerita datuk terus rancak.

Suara angin yang menderu jelas kedengaran membelah suasana malam yang dingin. Derunya seperti menyemarakkan lagi semangatku untuk mencontohi perjuangan para pahlawan tanah air yang terdahulu berkorban demi tanah air yang tercinta.

Mungkin aku boleh membukukan catatanku pada suatu hari nanti. Semoga ilmu yang kusampaikan dapat mencetuskan rasa kasih dan sayang terhadap agama, bangsa dan tanah air.

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

Tumpuan aku selepas itu kembali semula untuk mendengar kisah perjuangan Yamtuan Antah menentang penjajah Inggeris.

"Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukannya di Sungai Ujong maka Dato' Kelana Syed Abdul Rahman yang telah dibantu oleh 150 orang askar Inggeris kemudiannya telah menyerang Dato' Bandar Tunggal di Rahang, pada bulan November, 1874. Akibatnya Dato' Bandar Tunggal menyerah kalah. Kesannya, P.J. Murray dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Sungei Ujong pada tahun depannya sebagai membantu Dato' Kelana Syed Abdul Rahman memerintah Sungei Ujong," cerita datuk terus.

"Pelantikan itu tidak dipersetujui oleh pembesar lain, Razman! kerana hal itu sama seperti mempelawa penjajah untuk menjajah Negeri Sembilan serta menjejaskan kuasa pemerintahan Yamtuan dan para pembesar di Negeri Sembilan. Oleh sebab Dato' Kelana Syed Abdul Rahman tidak menghiraukan pandangan pembesar lain, lalu para pembesar membuat pakatan untuk menabalkan Yamtuan Antah sebagai Yamtuan Seri Menanti. Jajahnya meliputi Terachi, Ulu Muar, Gunung Pasir, dan Jempol," hurai datuk.

"Seterusnya Yamtuan Antah memutuskan untuk tidak mengiktiraf Dato' Kelana Syed Abdul Rahman sebagai pemerintah Sungei Ujong. Pada pertengahan tahun 1875 pula, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman telah mengisytiharkan Terachi yang terpisah oleh Bukit Putus sebagai sebahagian daripada wilayah miliknya. Yamtuan Antah pula semakin berasa marah apabila Inggeris melantik orangnya sebagai pemerintah Terachi dan daerah itu dianggap sudah menjadi milik mereka."

"Hal ini menjadikan Yamtuan Antah semakin berang dan kemudiannya telah bertindak memecat Dato' Pemerintah Terachi. Residen Inggeris pula berpihak kepada Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menganggap tindakan Yamtuan Antah telah menggugat pemerintahan

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dan melanggar undang-undang," tambah datuk.

"Pada 27 November 1875, P.J. Murray telah pergi ke Terachi dengan 20 orang askar rejimen ke-10. Ketuanya Leftenan Hixman. Ikut sekali 30 orang anggota polis, seorang doktor, dan seorang jurubahasa Australia bernama Dominic Daly. Sampai di Terachi, mereka dapati tidak ada kekacauan pun di kawasan itu. Keesokannya, P.J. Murray balik ke Sungei Ujong tetapi Dominic Daly telah ditinggalkan di Terachi, bertugas untuk mengukur jarak antara Kampung Terachi dengan Kuala Pilah."

"Di tepi sebatang sungai, Dominic Daly telah bertemu dengan sekumpulan 200 orang penduduk kampung. Mereka telah mengarahkan Dominic Daly dan orang-orangnya supaya segera meninggalkan Terachi dan balik semula ke Sungei Ujong. Dominic Daly amat ketakutan dan segera meminta bantuan daripada P.J. Murray," cerita datuk begitu bersemangat.

"Oleh sebab berasa tercabar Yamtuan Antah mengerahkan pasukannya kira-kira 4,000 orang supaya bersiap sedia untuk menghadapi peperangan dengan Inggeris. Yamtuan Antah telah mendapat sokongan daripada beberapa orang pembesar seperti Dato' Siamang Gagap, Tunku Besar Tampin serta penduduk Rembau, Jelebu dan Johol."

"Pasukan perang Yamtuan Antah itu terus mendaki dan menyeberang Bukit Putus untuk memasuki Paroi. Di situ, Yamtuan Antah telah mengutus sepucuk surat amaran kepada P.J. Murray. Baginda memberikan amaran keras agar tidak lagi mengganggu kedaulatan Seri Menanti dan menceroboh Terachi. P.J. Murray yang berasa ketakutan segera meminta bantuan daripada Negeri-negeri Selat," sambung datuk.

"Sementara itu, keadaan Inggeris di Sungai Ujong semakin genting. Mereka khuatir pasukan tentera Yamtuan Antah akan menyerang mereka. Leftenan Hixman dan askarnya di Rasah segera menggali parit dan membuat

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

kubu pertahanan di sekeliling tapak perkhemahan mereka," ucapnya.

"Pada bulan Disember 1875, pasukan tentera Yamtuan Antah yang seramai 200 orang itu telah berjaya menawan Paroi. Mereka telah membina kubu di situ."

"Pada masa yang sama di Sungei Ujong datang bantuan Inggeris dari Melaka yang seramai 20 orang askar yang diketuai oleh Leftenan Peyton telah tiba untuk menentang kebangkitan pasukan tentera Yamtuan Antah. Bantuan tambahan oleh Leftenan Hixman pula membawa satu angkatan perang ke Paroi seramai 30 orang askar, 30 orang polis, dan 6 orang askar Arab dari Rasah," kata datuk lagi.

Aku dapat membayangkan, betapa bersemangat dan beraninya perkasanya tentera yang dipimpin oleh Yamtuan Antah.

"Tapi, sebaik sahaja tiba di Paroi angkatan perang Leftenan Hixman itu terlebih dahulu diserang oleh tentera yang dipimpin oleh Yamtuan Antah lebih ramai berbanding dengan tentera Inggeris. Hal itu menyebabkan tentera Inggeris dapat dikepung dan ditawan," jelas datuk terus.

"Apabila mereka sedar kalah akan mereka amat ketakutan dan segera melarikan diri dan balik semula ke Rasah."

"Pasukan tentera Yamtuan Antah telah berjaya menduduki dan bertahan di sebuah rumah di tepi Sungai Linggi. Pada 5 Disember, 1875 Inggeris semakin tertekan apabila pasukan tentera yang diketuai Leftenan Hixman gagal merampas semula Paroi," terang datuk satu persatu.

"Saya teringat kisah Perang Bukit Putus ini yang diceritakan oleh pensyarah saya, orang Negeri Sembilan. Dia ada buat kajian. Moyangnya dikatakan berjuang bersama-sama Yamtuan Antah. Katanya, Inggeris telah merancang untuk melakukan serangan lebih hebat lagi menggunakan meriam milik Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Mereka membedil habis-habisan pasukan tentera Yamtuan Antah sehingga menggegarkan seluruh

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN

kawasan Paroi ketika itu," Aku mencelah pula dengan nada bersemangat.

"Memang benar apa yang dikatakan oleh pensyarah Razman itu!" Begitu pantas datuk membenarkan hujahku.

"Selepas hampir satu jam berbalas tembakan, tentera Inggeris akhirnya berjaya menyeberangi paya yang berhadapan kubu pertahanan pasukan tentera Yamtuan Antah. Leftenan Hixman dan Leftenan Peyton yang bertekad hendak memusnahkan kubu pertahanan tersebut tetapi satu pasukan seramai 20 orang askar Inggeris dan Arab itu telah tersesat jalan. Mereka terus diburu oleh pasukan tentera Yamtuan Antah," datuk menahan senyumnya.

"Pada 8 Disember 1875, bantuan tambahan angkatan perang yang diminta oleh P.J. Murray tiba di Sungei Ujong dengan 350 orang askar Inggeris yang dibawa dari Melaka. Angkatan yang diketuai oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang bernama Archibald Edward Harbord Anson menunjukkan Inggeris telah memperhebat serangan terhadap pasukan Yamtuan Antah di Paroi. Mereka menggunakan beberapa pucuk meriam. Selepas melepaskan 10 das tembakan meriam, pasukan tentera Yamtuan Antah terpaksa berundur," jelas datuk padaku lagi.

"Pertempuran sengit itu telah mengorbankan seramai 37 orang tentera Inggeris dan Arab selain mencederakan ramai di kedua-dua pihak. Paroi akhirnya berjaya dirampas kembali oleh Inggeris."

"Pada 10 Disember 1875, bantuan Inggeris terus dibawa masuk yang terdiri daripada pasukan askar Gurkha seramai 250 orang berserta dengan 32 orang pegawai untuk mengukuhkan Inggeris."

"Selain itu, pasukan meriam dari kapal perang *HMS Thistle* juga tiba di Sungei Ujong. Maka Leftenan Kolonel Clay selaku Ketua Pemerintah Askar Sungei Ujong telah merancang untuk menyerang Bukit Putus dari pelbagai penjuru."

MEREKA *pejuang* BANGSA *dan* TANAH AIR

Mereka Pejuang Bangsa dan Tanah Air, sebuah novel biografi sejarah yang berupaya memupuk semangat cinta akan negara kepada generasi Y. Satu-satunya novel di pasaran yang memaparkan secara naratif seorang datuk, mantan guru sejarah yang meminati dan mendalami perjuangan para adiwira negara seluruh negara. Darah patriotik itu turut mengalir dalam diri cucunya sebagai seorang mahasiswa sebuah universiti dalam pengkhususan sejarah. Hasrat yang menggunung tinggi dan terpendam jauh di lubuk hati datuk dan cucu, agar generasi muda mutakhir sedar dan cinta serta sanggup berkorban untuk mendaulatkan negara. Azam si mahasiswa, mesej, patriotisme itu mahu dipaparkan secara kreatif dalam sebuah novel berdasarkan perjuangan para adiwira yang datuk ceritakan sepanjang percutian sesmeternya. Inilah novelnya! Anda pasti membacanya, dan pasti tidak akan mengecewakan.

RM25.00

ISBN 978-967-0911-70-0



9 789670 911700